

Medium Sumber Rujukan Agama Islam Pelajar Politeknik

Mohamad Bazli Bin Md Radzi, Norita Binti Abd Aziz

Wan Faisal Bin Wan Ahmad Mohtasa

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Kuching Sarawak

m.bazli@poliku.edu.my norita@poliku.edu.my

w.faizal@poliku.edu.my

Abstrak

Islam merupakan agama yang syumul dan mencakupi semua aspek kehidupan. Sumber rujukan utama dalam melaksanakan kehidupan bersyariat adalah bersandarkan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Barangsiapa yang berpegang kepada al-quran dan al-sunnah maka akan berada di landasan yang benar. Seiring dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi, ilmu pengetahuan dan informasi boleh diperolehi dengan mudah dan pantas dihujung jari. Namun demikian, ilmu dan maklumat yang diperolehi dan menjadi sumber rujukan agama hendaklah disemak dan diteliti terlebih dahulu. Ini adalah bagi mengelakkan salah faham terhadap agama. Objektif pelaksanaan kajian ialah mengkaji medium rujukan sumber agama Islam, Politeknik. Pelaksanaan kajian berkenaan medium rujukan sumber yang dirujuk oleh pelajar adalah penting bagi merungkai persoalan berkenaan sumber yang menjadi rujukan oleh para pelajar. Maklumat yang diperolehi daripada rujukan yang salah akan memberi kesan terhadap pemahaman dan pengamalan seseorang dalam beragama. Bagi menyempurnakan pelaksanaan kajian, kaedah yang akan digunakan ialah secara kuantitatif. Sejumlah bilangan soal selidik akan diedarkan kepada pelajar bagi menjawab persoalan kajian. Melalui dapatan pelaksanaan kajian, item "Saya mendapat pengetahuan agama daripada sekolah rendah dan menengah menunjukkan peratusan yang tinggi dikalangan pelajar. Ini secara tidak langsung menunjukkan para pelajar mendapat pendedahan agama yang luas ketika berda di zaman persekolahan. Kesimpulannya, ilmu dan input yang diperoleh daripada sumber yang salah memberi impak terhadap salah faham dalam melaksanakan suruhan agama. Adalah sewajarnya setiap daripada individu muslim menyemak dan meneliti terlebih dahulu terhadap sebarang info, maklumat dan ilmu yang diperolehi daripada pelbagai lapangan sumber.

Pengenalan

Islam merupakan agama yang di dalamnya terkandung kaedah dan tatacara cara hidup yang lengkap. Ianya mencakupi aspek rohani dan jasmani. Al-Quran dan al-sunnah merupakan panduan dan pedoman dalam kehidupan seorang muslim. Barang siapa yang berpegang teguh dengannya akan terselamat daripada anasir-anasir yang boleh memesongkan akidah seorang muslim. Seiring dengan peredaran zaman, kemajuan teknologi berada semakin maju dari masa ke semasa. Menurut Fazli adam et. al (2015), internet merupakan istilah umum bagi dunia komunikasi dan maklumat tanpa sempadan pada masa ini. Media baru ini telah dianggap sebagai suatu kuasa besar kerana kekuatannya dalam menyampaikan mesej yang merentasi sempadan, masa dan tempat dengan kapasiti yang pantas dan besar. Pelbagai bentuk transaksi, perkembangan ekonomi, politik, pendidikan, keagamaan dan sosial boleh dilakukan selama 24 jam tanpa batas melalui media baru ini. Menurut Ernie (2014), peranan media sosial terhadap penyebaran ilmu agama tidak dapat

dinafikan. Menurut Faradillah (2014), terdapat hubungan yang signifikan di antara penggunaan media sosial dan penyebaran agama dikalangan mahasiswa. Kajian oleh Zuarida (2009), adalah menjadi satu keperluan bagi pendakwah untuk memanfaatkan media sosial di dalam menyampaikan dakwah yang berkesan. Dengan wujudnya media-media massa dan sosial, merancakkan lagi budaya penggunaan teknologi dikalangan masayarakat terutamanya golongan muda remaja. Kemajuan teknologi sekiranya digunakan ke arah kebaikan akan memberi manfaat kepada penggunanya. Namun demikian, sekiranya digunakan pada jalan yang salah akan membawa kepada kemudharatan.

Antara kesan daripada kemajuan teknologi ialah medium penyampaian ilmu berkaitan agama Islam menjadi lebih luas. Di samping proses pembelajaran utama yang berlaku di bilik kuliah, surau dan masjid, ilmu agama kian tersebar di media massa dan juga media sosial seperti *facebook*, *whatapps*, *telegram*, *twitter*. Sehubungan itu, adalah penting bagi setiap individu menyemak dan menyelidik terlebih dahulu sebelum menerima dan mempercayai sesuatu perkara yang disebarluaskan di mana-mana medium pengantaraan terutamanya media sosial. Impak daripada sumber maklumat yang salah yang diperolehi akan menyebabkan salah faham terhadap intipati dan pelaksanaan agama. Oleh yang demikian, medium atau sumber dalam mendapatkan ilmu berkaitan agama adalah penting supaya seseorang individu tidak tergolong daripada mereka yang terpesong pegangan agama.

Metodologi Kajian

Dalam melaksanakan kajian, kaedah yang diguna pakai ialah kaedah kuantitaif. Teknik persampelan yang digunakan ialah melalui kaedah *purposive sampling* dimana responden kajian yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar semester dua beragama Islam yang mengambil kursus berkaitan pendidikan Islam. Intrumen kajian yang digunakan ialah melalui soal selidik. Menurut Lee, Zakri & Chua (2018), kaedah soal selidik merupakan salah satu kaedah yang yang paling mudah untuk memperolehi data yang diperlukan bagi membolehkan penyelidik mengetahui keadaan sebenar berkaitan dengan sesuatu isu atau perkara. Seramai 209 responden yang terdiri daripada pelajar semester dua yang mengambil kursus berkaitan pendidikan Islam di Politeknik Kuching Sarawak telah menjawab soal kaji selidik yang diberikan. Kajian memberi fokus terhadap pelajar muslim yang berada di semester dua kajian adala disebabkan kursus berkaitan pendidikan Islam ditawarkan kepada mereka pada semester dua pengajian. Jumlah 209 adalah mencukupi bagi mewakili jumlah pelajar muslim semester dua di Politeknik Kuching Sarawak.

Dapatan Kajian & Perbincangan

Taburan Respondan mengikut Jantina

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan respondan mengikut jantina yang menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Seramai 209 orang respondan terdiri daripada 127 orang respondan lelaki dan 82 orang respondan perempuan telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Medium rujukan sumber agama

Dapatan daripada Jadual 2 telah menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka mendapat pengetahuan agama daripada pihak Jabatan Agama Islam iaitu seramai 154 orang respondan. Selain itu, seramai 89 orang respondan sangat setuju dan 108 orang respondan bersetuju bahawa mereka mendapat pengetahuan agama daripada kuliah agama yang dijalankan di masjid. Manakala seramai 185 orang respondan menyatakan bahawa meraka mendapat pengetahuan agama daripada pembacaan di media cetak seperti buku, majalah dan lain-lain iaitu sebanyak 64 orang respondan sangat setuju dan 121 orang respondan bersetuju dengan kenyataan tersebut. Majoriti pelajar turut bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka mendapat pengetahuan agama daripada media elektronik seperti televisyen, radio dan lain-lain iaitu seramai 71 orang respondan sangat setuju dan 120 orang respondan setuju. Selain itu, analisis turut menunjukkan item “Saya mendapat pengetahuan agama daripada sekolah rendah dan menengah” mempunyai peratusan tertinggi iaitu seramai 129 orang respondan sangat setuju. Seramai 106 orang respondan bersetuju bahawa mereka mendapat pengetahuan agama daripada belajar di dalam bilik kuliah berkaitan kursus agama di Politeknik dan seramai 97 orang respondan sangat setuju. Selain itu meroriti pelajar bersetuju bahawa mereka mendapat pengetahuan agama daripada kuliah agama di Pusat Islam Politeknik iaitu seramai 78 orang respondan sangat setuju dan 109 orang respondan setuju. Bagi item terakhir iaitu “Saya mendapat pengetahuan agama daripada media sosial seperti facebook, instagram, twitter, whatsapp dan lain-lain”, seramai 68 orang respondan sangat setuju dan 114 orang respondan setuju dengan kenyataan tersebut.

Jadual 1- Taburan pelajar mengikut jantina

JANTINA	BILANGAN	PERATUS (%)
Lelaki	127	60.5
Perempuan	82	39.5

Jadual 2 - Medium rujukan sumber agama

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju
Saya mendapat pengetahuan agama daripada pihak jabatan agama Islam	0.5%	3.8%	22%	50.7%	23%
Saya mendapat pengetahuan agama daripada kuliah agama yang dijalankan di masjid	0%	0.5%	5.3%	51.7%	42.6%
Saya mendapat pengetahuan agama daripada pembacaan di media cetak seperti buku, majalah dan lain-lain	0%	0.5%	10%	57.9%	30.6%
Saya mendapat pengetahuan agama daripada media elektronik seperti televisyen, radio dan lain-lain.					
Saya mendapat pengetahuan agama daripada sekolah rendah dan menengah	0%	0.5%	8.1%	57.4%	34%

Saya mendapat pengetahuan agama daripada belajar di dalam bilik kuliah berkaitan kursus agama di Politeknik	0%	0%	1.4%	36.8%	61.7%
Saya mendapat pengetahuan agama daripada kuliah agama di Pusat Islam Politeknik	0%	0.5%	2.4%	50.7%	46.4%
Saya mendapat pengetahuan agama daripada media sosial seperti facebook, instagram, twitter, whatsapp dan lain-lain	0%	1%	9.6%	52.2%	37.3%
	0%	2.9%	10%	54.5%	32.5%

Kesimpulan

Secara kesimpulan, pelaksanaan kajian terhadap sumber rujukan agama adalah penting bagi mengenalpasti medium dan sumber rujukan yang digunakan. Ilmu dan input yang diperoleh daripada sumber yang salah memberi impak terhadap salah faham dalam melaksanakan suruhan agama. Adalah sewajarnya setiap daripada individu muslim menyemak dan meneliti terlebih dahulu terhadap sebarang info, maklumat dan ilmu yang diperolehi daripada pelbagai lapangan sumber. Antara perkara yang perlu ditekankan dan diambil berat oleh penuntut ilmu ialah memilih guru yang *mursyid* iaitu guru yang diyakini autoritinya dalam menyampaikan ilmu agama. Pihak yang berwajib seperti Jabatan Agama Islam senantiasa berusaha dalam mengekang pihak-pihak yang dengan sengaja menyebarkan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam. Antara kaedah yang dilaksanakan oleh pihak jabatan agama ialah melalui garis panduan dalam mempelajari berkaitan ilmu agama. Di samping itu, pihak jabatan agama hanya memberi keizinan terhadap pihak yang ingin mengajar agama melalui pemberian tauliah menagajar agama. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya ada individu yang mengajar agama tanpa tauliah yang sah yang diperakui oleh jabatan agama Islam bagi setiap negeri.

Rujukan

- Dicky Wiwittan Toto Ngadiman, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor. (20-21 Oktober 2016). Sumber Pengetahuan Tentang Zakat: Kajian Di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. In *Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrasah)*. Universiti Malaya
- Earnie Elmie Hilmi.(2014). *Peranan Teknologi Dalam Berdakwah Di Era Teknologi. Maklumat Dan Komunikasi(Ict)*, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etni k2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Disuntingoleh:Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar
- Fadzli Adam et. Al (2015) . *Cabar media baru sebagai medium pembelajaran agama dan penyelesaiannya dari perspektif islam*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 9
- Lee Keok Cheong, Zakri Abdullah & Chua Lay Nee. (2018). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar.
- Siti Rokiah Ab Rahman & Fadzli Adam. (2015) Kredibiliti youtube sebagai medium pembelajaran agama dalam peradaban islam kontemporari. In *Proceedings of International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Terengganu

Zuarida Mohyin.(2009). *Memperkasa peranan Teknologi Daie*. 10 November .Utusan.com.my